

Najib bersumpah muhabalah

BH-21/12/2019 m/s:12

Nafi dakwaan terkandung dalam SD dibuat Azilah


Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, melafazkan sumpah muhabalah di Masjid Jamek Kampung Baru di sini, jam 2 petang selepas solat Jumaat semalam, sambil menafikan dakwaan terkandung dalam Akuan Bersumpah (SD) dibuat bekas pegawai Unit Tindakan Khas (UTK) polis, Azilah Hadri.

Najib menegaskan tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada Azilah untuk membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibu, pada 2006, seperti didakwa menerusi SD itu.

“Saya juga tidak pernah berjumpa, malah tidak mengenali mendiang (Altantuya). Pada 20 Disember ini, dalam rumah Allah yang mulia dan pada Jumaat yang berkat ini, saya Najib Razak sesungguhnya dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang, berikrar dan bersumpah Wallahi, Wabillahi, Wattalhi.

“Jika saya berdusta maka laknat Allah atas diri saya dan jika saya benar, maka mereka yang



Najib ditemani Rosmah membuat sumpah muhabalah selepas solat Jumaat di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

memfitnah dan tidak bertaubat akan dilaknat oleh Allah di dunia dan akhirat,” katanya ketika melafazkan sumpah itu semalam.

Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Sebelum ini, Azilah yang sedang menunggu hukuman gantung, membuat pengakuan mengejutkan apabila mendakwa Najib mengarahkannya membunuh

Altantuya pada 2006.

Dalam SD bertarikh 17 Oktober lalu, Azilah mendakwa, Najib yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri (TPM) turut mengarahkannya melupuskan mayat wanita berkenaan.

Azilah, 42, yang mengikrarkan kandungan SD itu di Penjara Kajang, mendakwa arahan terbabit diberi secara lisan ketika bertemu Najib pada 17 Oktober 2006 di Pekan, Pahang.

Media sebelum ini juga melaporkan permohonan Azilah untuk menyemak sabitan dan hukuman gantung ke atasnya atas kesalahan membunuh Altantuya, akan didengar Mahkamah Persekutuan pada 20 April depan.

Tarikh itu ditetapkan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Aznina Mohd Ali, ketika pengurusan kes semakan itu di Pejabat Pendaftar Istana Kehakiman.